



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**

**Y.B. TIMBALAN MENTERI**

**Y.BHG. KSU**

**Y.BHG. TKSU (PDN)**

**Y.BHG. TKSU (PPP)**

**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**3 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**



---

---

## **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

---

**3 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**

## *Menu Rahmah: Rakyat gembira, kerajaan popular*

DUA tiga hari ini ramai bersebabb mengenai Menu Rahmah. Semua kategori B40, M40 atau T20 bertanya di mana mahu nikmati hidangan Rahmah yang diuar-uarkan RM5 sahaja bagi setiap hidangan.

Program baru tiga hari dimulakan tetapi cepat popular dan mungkin menjadi antara inisiatif paling dihargai rakyat dalam pentadbiran Kerajaan Perpaduan diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ramai tidak menyangka, menu RM5 untuk makan tengah hari atau malam masih boleh disediakan oleh pengusaha makanan ketika seluruh dunia sedang mengeluh mengenai kenaikan kos sara hidup.

Rata-rata yang mencuba Menu Rahmah yang berlaku sama ada ikan, ayam disertai sayur dan setengah-tengah premis turut diberi air minuman sangat berpuas hati dengan tawaran tersebut.

Buat masa ini, kira-kira 15,000 premis makanan di seluruh negara menyertai program Menu Rahmah dan angka itu dijangka terus meningkat dan diperluaskan ke seluruh pelosok negara.

Bukan setakat itu, Kerajaan Perpaduan turut dalam perancangan menambah inisiatif Bakul Rahmah, Pakej Harga Barang Rahmah dan Kafe Rahmah menjelang hujung Mac ini.

Menu Rahmah dibenarkan untuk dinikmati seluruh rakyat tetapi Program Bakul Rahmah hanya disasarkan kepada golongan keluarga miskin tegar setiap bulan manakala Pakej Harga Barang Rahmah bakal meliputi 12 barang keperluan asas yang boleh dibeli pada harga ditetapkan.

Kafe Rahmah pula diuar-uarkan akan dibuka di universiti-universiti tempatan bermula di Kuala Lumpur merangkumi sarapan pagi dan makan tengah hari percuma sementara makanan malam akan ditawarkan dengan diskain hingga 50 peratus.

Kesimpulannya, kehadiran inisiatif Rahmah di tengah-tengah desakan supaya kerajaan membenarkan sekali lagi siri pengeluaran KWSP sangat melegakan rakyat.

Semoga program lain di bawah jenama Rahmah akan terus 'menggembirakan' dan paling besar maknanya menjadi rahmat buat rakyat kerana pelaksanaannya boleh dinikmati secara terus kumpulan sasar.

Lebih daripada itu, program Rahmah mula meriah kembali keyakinan rakyat bahawa negara sedang diurus secara baik di sebalik penyelewengan demi penyelewengan dana besar kerajaan yang sedang disiasat SPRM.

Mungkin inilah antara penyelesaian Perdana Menteri yang sebelum ini kurang berminat untuk meluluskan desakan agar rakyat sekali lagi dibenar mengeluarkan simpanan KWSP.

Ini kerana Perdana Menteri bersympati apabila melihat simpanan pencarum yang rata-rata sangat kecil dan jika pengeluaran KWSP dibenarkan lagi, ia akan memberikan kesan kepada masa depan pencarum.

Kesimpulannya, melihat pentadbiran dipimpin Pengerusi Pakatan Harapan yang memasuki bulan keempat, rakyat mulai nampak sinar Malaysia ada kemampuan menyaingi kembali kepentasan Vietnam dan Indonesia dalam memajukan negara dan rakyat masing-masing.



**Jobor Bahru:** Kebanyakan restoran mamak di bandar raya ini masih lagi mempertimbangkan program Menu Rahmah dengan taruhan makanan tengah hari dan makan malam dengan harga serendah RM5.

Seorang pengusaha restoran mamak di Tebrau, Arshad Sulaiman berkata, beberapa perkara perlu diambil kira bagi menyahut penjualan makanan bajet seumpama itu kerana ia memberi kesan bagi tempoh masa panjang.

Menurutnya, antara perkara perlu diambil kira sahaja ada pelanggan selesa bagi membeli makanan berkenaan.

## ***Menu Rahmah kurang sesuai di restoran mamak?***

Katanya, ia berikutnya beberapa tahun lalu pihaknya pernah memperkenalkan nasi bajet dengan harga rendah, namun tidak menerima sambutan baik dalam kalangan pelanggan.

"Mungkin sehari dua mereka mahu membeli, namun selepas itu mereka juga dengan menu yang sama atau berulang terutama lauk ayam dan ikan.

"Mereka juga memiliki keinginan dan cita rasa bagi menikmati menu berbeza," katanya.

Sementara itu, pemilik

Mereka juga memiliki keinginan dan cita rasa bagi menikmati menu berbeza"

Arshad

Hamid Jamalludin berkata, inisiatif memperkenalkan program Menu Rahmah adalah sesuatu yang murni, namun ia kurang sesuai dilaksanakan di restoran mamak.

Menurutnya, pengurusan

Mungkin ada pengusaha yang keliru berkaitan harga makanan terlalu rendah sebagainya," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Usahawan India Muslim Negeri Johor (Perusim) Hussein Ibrahim berkata, pihaknya akan berbincang dengan ahlinya yang juga pengusaha restoran mamak untuk menyahut saranan kerajaan.

"Kami yakin dapat menyahut program berkenaan demi kepentingan golongan kurang berkemampuan dan buat masa ini masih di peringkat perbincangan.

"Mungkin ada pengusaha yang keliru berkaitan harga makanan terlalu rendah kerana bimbang ia tidak dapat memampung kos harga barang dan sebagainya, namun kami akan berbincang bagi memastikan cara bersesuaian untuk pelaksanaannya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Lilia Saslinda Purnomo berkata, gerak-kerja bagi memperkasakan program Menu Rahmah RM5 sedang dijalankan di negeri itu.



ANTARA menu dijual pada harga antara RM3 hingga RM5 setiap hidangan dan juga disertakan air percuma.

Oleh Nor Fazlina  
Abdul Rahim  
am@hmetro.com.my

#### Tumpat

Kak Chik Nasi Berlauk menjadi salah satu kedai makan di Keltangan yang masih mengalihkan konsep harga murah apabila menjual makanan serendah RM3 sejak empat tahun lalu.

Justeru, tidak hairanlah premis yang diusahakan oleh pasangan suami isteri, Mat Salleh Awang Teh, 73, dan Che Halima Che Ahmad, 66, di Kampung Berangan, di sini, sejak 2012 itu turut menjadi tumpuan orang ramai susulan harga yang murah.

Untuk harga nasi bungkus berlaukkan ayam atau ikan, harga yang dikenakan adalah RM3, manakala bagi nasi dagang atau nasi berlaukkan daging adalah RM4.

Bagairanapun, tambahan RM1 bagi setiap menu untuk pelanggan yang makan di kedai memandangkan kuantiti lebih banyak selain turut disediakan minuman percuma.

Penolong Pengurusan Nasi Berlauk Kak Chik, Asmaan Athirah, 28, berkata, kedai yang diusahakan ibu bapanya mula beroperasi

## RM3 sejak 4 tahun lalu

*Kedai Kak Chik Nasi Berlauk amal konsep harga murah*

pada 2012 dan ketika itu harga nasi adalah RM2.

"Namun bermula pada 2019, harga dinilaikan kepada RM3 hingga RM4 bagi nasi bungkus memandangkan kos bahan mentah yang meningkat, namun kami mengekalkan harga itu sehingga kini."

"Walaupun kos bahan mentah sentiasa naik, kami mengambil pendekatan untuk kekalkan harga yang sama kerana tidak sampai hati untuk menaikkan harga demi memikirkan pelanggan."

"Ada kalanya terniat untuk naikkan harga namun memikirkan kasihan kepada pelanggan terutama mereka yang susah, kami tidak sampai hati dan mengambil keputusan untuk kekalkan harga," kata

tanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata, bagi pelanggan yang makan di kedai pula akan disediakan air percuma dan jenis air akan bertukar setiap hari selain kuantiti nasi lebih banyak.

"Alhamdulillah dengan mengenakan harga yang rendah, sambutan diterima setiap hari sangat menggalakkan."

"Walaupun sudah tidak banyak kedai yang mengenakan harga seperti

kami, kami memilih untung yang kecil demi memikirkan pelanggan."

"Harga yang kami kenakan ini seolah-olah kami sudah memperkenalkan Menu Rahmah sejak empat tahun lalu," katanya.

Kelmarin, lebih 15,000 restoran dilaporkan menawarkan Menu Rahmah berharga RM5 bagi hidangan makanan tengah hari atau makan malam untuk golongan B40, mulai semalam.

Ia selaras dengan pelancaran inisiatif Menu Rahmah oleh kerajaan, kelmarin, yang bertujuan memastikan golongan B40 khususnya mampu membeli makanan di restoran pada harga berpatutan.

**PEKERJA** Kedai Kak Chik Nasi Berlauk menyediakan tempahan pelanggan yang membayar secara pulak untuk dijual semula di gerai tepi jalan sekitar bandar Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR





**MERAJALANAN** ucapan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Perpaduan yang telah memperkenalkan program Menu Rahmah di 15,000 premis makanan di seluruh negara bermula Selasa lalu.

Alhamdulillah, dapatlah Merak Jalanan dan rakan-rakan yang bekerja 'kali pagi makan pagi' ini menikmati menu berkhasiat sambil berjimat. Sebelum ini sekali makan tengah hari memang habis paling kurang RM10.

Dengan Menu Rahmah, hanya berbekalan RM5, kita boleh dapat nasi,

## sayur dan lauk protein (ayam atau ikan), siap air lagi! Baki RM5 lagi boleh digunakan untuk makan malam puja.

Walaupun inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) itu khusus untuk menyantuni golongan miskin tegar, berpendapatan rendah dan mahasiswa universiti kurang berkemampuan, namun ia juga terbuka kepada semua golongan.

Maklumlah, dalam keadaan situasi ekonomi yang sangat mencabar ini, golongan M40 pun sudah jadi B40 ter-

utama menjelang tengah bulan! Jadi, jika kita semua yang rasa terhimpit dengan harga makanan 'kayangan' di luar sana, jangan malu dan segan untuk sama-sama menikmati Menu Rahmah.

Apa yang menarik, selain 15,000 premis terlibat, KPDN juga menggalakkan semua peniaga makanan yang prihatin untuk turut sama menyediakan Menu Rahmah atas inisiatif sendiri. Maknanya, selain nasi dan lauk-pauk, peniaga boleh menjual mi goreng, kuetiau goreng, rojak dan pelbagai makanan bersesuaian.

Namun, pada masa sama peniaga kenalah ingat, apabila dah turunkan harga RM5, janganlah masak cincau sahaja dan asalkan boleh. Ayam dan ikan janganlah dipotong-potong kecil dan sayur puja ibat tiada rasa. Bertepatan dengan konsep rahmah (belas kasihan), maka perlulah menyediakan makanan dengan penuh rahmah juga.

Semoga usaha semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Menu Rahmah diberkati dan kita terus hidup dalam harmoni.

## Penjual makanan Menu Rahmah perlu juga ada sifat rahmah!

Restoran Pak Karim sering jadi tumpuan penduduk kerana jual makanan harga murah

Oleh NOR AZURA MD AMIN PONTIAN

## 10 tahun jual makanan RM5

**R**estoran Pak.Karim tidak asing bagi penduduk di daerah ini kerana masih mengamalkan konsep murah apabila menjual menu hidangan dengan harga RM5 sejak 10 tahun lalu.

Tidak hairanlah premis yang diusahakan Sipon Sawap, 60,

dan isterinya, Maslizan A Karim, 53, di Jalan Kukup-Pontian di sini sering menjadi tumpuan pekerja serta orang ramai dari sekitar daerah ini.

Sipon berkata, restoran itu mula diusahakan bapa mertua-nya, A Karim Belohik, 76, dengan menawarkan pelbagai menu pada harga rendah.

Jelasnya, selepas dia dan isteri mengambil tanggungjawab meneruskan perniagaan tersebut sejak lima tahun lalu, menu pada harga rendah dikenakan lagi bagi membantu pelanggan.

"Apabila kerajaan umumkan mengenai Menu Rahmah, saya tertarik kerana konsep tersebut sudah dimulakan oleh bapa mertua dan dikenakan sehingga kini.

"Ramai yang datang makan tengah hari di sini tidak kira usia dan jenis pekerjaan tetapi kebanyakannya yang bekerja di kilang berhampiran restoran," katanya kepada *Sinar Harian* pada Kamis.

Sipon berkata, dia dan isteri akan terus menjual menu hidangan pada harga RM5 walaupun berdepan kenaikan harga barang basah terutama ayam dan ikan.

"Ada 15 menu pelbagai aneka lauk ayam, ikan dan sayur, pilih sahaja. Nasi campur di sini cuma RM5. Ada juga pelanggan yang tidak percaya RM5 sahaja."

"Kalau bercakap soal un-



Sipon menunjukkan nasi campur yang dijual pada harga RM5.

tung, saya percaya biarlah untung sikit walaupun cuma 50 sen tetapi jika sudah ramai yang datang, pasti ada rezeki. Mungkin sebab itu restoran ini dapat bertahan sehingga sekarang," katanya.

Jelasnya, tiga orang anaknya turut membantu menyiapkan hidangan makan tengah hari setiap hari yang dijual bermula seawal jam 10.30 pagi.

"Setiap hari 30 ekor ayam dan 20 kilogram nasi dimasak untuk makan tengah hari yang akan licin pada jam 2 petang.

"Seronok dapat bantu orang



Laporan *Sinar Harian* pada 28 Januari lalu.

ramai dan saya harap diberikan kesihatan yang baik untuk terus bermula," katanya.

**PROGRAM MENU RAHMAM**

**MAKAN TENGAH HARI & MALAM RM5**

Boleh didapat di 15,000 premis seluruh negara

Pelakon/simbol Menu Rahmah akan diletakkan di premis terlibat

**PROGRAM MENU RAHMAM**

**MELIBATKAN:**

- Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (PERMMA)
- Persatuan Pengusaha Restoran India Seluruh Malaysia (PPIRM)
- Persatuan Pengusaha Tom Yam Malaysia
- Persatuan Pengusaha Restoran Runcit Malaysia (MRCA)
- Persatuan Restoran Melayu Malaysia (PRM)
- Persatuan Restoran Bumiputera Malaysia (PRBM)
- Persatuan Restoran Runcit Rintek Malaysia (MRCA)
- MRA Malaysia Restauranteurs Association

**LAIN-LAIN INISIATIF**

**BARU! RAHMAM** Sosar kallergo makin tegar setiap bulan

**TAJUJU RAHMAM** Meliputi 12 barang keperluan dasar

**KAFE RAHMAM**

- Dilatarani di universiti tempatan (formula di atas kumpulan)
- Sarapan & makan tengah hari percuma
- Makan malam dengan diskon sehingga 50%

Copyright © 2023 Sinar Harian Sdn Bhd. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without written permission from the publisher.

## 'Jangan laksana Menu Rahmah hanya dalam tempoh tertentu'

**ALOR SETAR** - Kerajaan diharap tidak melaksanakan Menu Rahmah hanya dalam tempoh tertentu kerana ia membantu mengurangkan beban rakyat yang berdepan dengan kenaikan harga makanan dan barang mentah.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, inisiatif baik yang dilaksanakan itu seharusnya berterusan agar rakyat dapat menikmati impak dan faedah dalam usaha mengurangkan kos sara hidup.

Menurutnya, Menu Rahmah wajar diperluaskan di setiap kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi dan kawasan yang didiami ramai golongan B40.

"Harga bahan mentah seperti sayur, ikan, ayam dan daging masih tinggi, mahu atau tidak peniaga kedai makan terpaksa naikkan sedikit harga makanan dimasak un-

tuk tumpang kos operasi harian."

"Apabila kerajaan bantu dengan lancarkan Menu Rahmah, semua pihak dapat rasai situasi menang-menang, jadi kerajaan perlu melihat perkara ini dari peringkat awal hingga akhir," katanya.

Mohamad Yusrizal berharap pengalaman yang dilalui rakyat tidak akan berulang sekiranya berlaku lagi perubahan kerajaan di peringkat Persekutuan.

"Kita pernah ada program Food Bank Malaysia, selain Menu 1Malaysia, sekarang nama sahaja ditukar namun konsepnya sama lait ujal makanan murah untuk rakyat."

"Jangan 'hangat-hangat tahi ayam' atau buat sekerat jalan, lepas itu dihentikan sebab menteri atau ke-

rajaan bertukar. Dasar yang baik-biarlah kekal dan diteruskan," kata beliau.

Menurutnya lagi, inisiatif itu juga wajar merangkumi kawasan lebih luas dengan memberi tumpuan kepada penduduk B40 agar lebih ramai dapat menikmati inisiatif kerajaan untuk rakyat.

"Jangan pula ditawarkan di kawasan tertentu sahaja sebab penduduk bergaji rendah dan sederhana ada di mana-mana. Menu Rahmah dapat membantu golongan B40 terutama yang memiliki keluarga besar," katanya.

Pada Selasa, lebih 15,000 restoran menawarkan Menu Rahmah berharga RM5 bagi hidangan makanan tengah hari atau makan malam untuk golongan B40.



MOHAMAD YUSRIZAL



Menu Rahmah yang ditawarkan pada harga RMS bermula Selasa lalu.



## Menu Rahmah dapat sambutan positif

**INISIATIF** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup mewujudkan Menu Rahmah yang menyediakan makanan lengkap pada harga RM5 ke bawah mendapat sambutan positif dalam kalangan pelanggan.

Tinjauan Utusan Malaysia di beberapa pasar raya Mydin

yang mengambil bahagian menyediakan sajian tersebut mendapati, rata-rata pelanggan berpuas hati dengan menu yang disediakan.

Ini sekali gus membantu mereka khususnya golongan kurang berkemampuan dalam mengurangkan beban kos sara hidup.

Pada 27 Januari lalu, Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memperkenal Menu Rahmah yang merangkumi nasi, ayam atau ikan dan sayur selepas memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia dan Persatuan Pengusaha Tomyam Malaysia.

Lebih 15,000 restoran di seluruh negara menawarkan menu berkenaan bagi hidangan makanan tengah hari atau makan malam.

■ PELANGGAN membeli makanan di gerai Menu Rahmah di Pasaraya Mydin dekat USJ, Subang Jaya, Selangor semalam.  
- UTUSAN/SHIDIEQIIN ZON

## Menu Rahmah meal leaves customers satisfied

**KOTA BARU:** Cheap, tasty and appetising – that was among the reactions of satisfied customers on the first day of the Menu Rahmah programme at a supermarket here.

Norizan Arifin, 63, from Pasir Tumboh, said the meal was not only balanced but affordable for low income groups.

"The price is reasonable, and the dishes are fresh and very appetising."

"This programme is very good and even worthwhile for those with a big family," she told Bernama here.

Customers were seen queueing up for the RM5 meal at the Menu Rahmah counter during lunch at the supermarket.

Fatihah Jaafar, 34, from Pasir Mas, said the reasonable meal eases the burden of people seeking healthy and balanced food choices.

"For me, the lunch menu – which comes with white rice, side dishes and mineral water – is reasonably priced and filling," she added.

Mydin Tunjong branch manager Nor Rashid Suratman said Menu Rahmah is changed daily to give customers a variety.

"For example, we'll have white rice, fried turmeric chicken, fried



spinach and a bottle of mineral water on Wednesday.

"Thankfully, the response on the first day here was very encouraging," he said.

On Tuesday, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said people can

now enjoy lunch and dinner at RM5 per meal at nearly 15,000 food outlets nationwide through the Menu Rahmah initiative.

The Menu Rahmah programme was made possible with the cooperation of the Malaysian Indian Restaurant Owners' Association,

Malaysian Muslim Restaurant Owners Association, Malaysian Tomyam Operators Association, Malaysian Singapore Coffee Shop Proprietors General Association, Burniputera Retailers Organisation, Malaysia Retail Chain Association and Malaysia Retailers Association.

**One order, please:**  
Fatihah buying the Menu Rahmah meal at a supermarket in Kota Baru. The programme offers meals priced at RM5 and below.  
— Bernama

# KPDN nafi harga sayur di Pulau Pinang naik 160 peratus

**Kementerian jangka ada kekeliruan banding harga babit sayuran organik**

Oleh Baharom Bakar,  
Siti Aminah Mohd Yusof  
dan Hazira Ahmad Zaidi  
bhnews@bh.com.my

**Bukit Mertajam:** Harga purata membabitkan 10 jenis sayuran di negeri ini merekodkan kenaikan serendah 3.85 peratus hingga 71.43 peratus.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Pulau Pinang, semalam, memaklumkan ia berdasarkan pemantauan pada 1 Februari berbanding 31 Januari.

Pengaruhnya, S Jegan, berkata daripada 41 jenis sayuran yang dipantau setiap hari, 10 daripadanya iaitu tomato rekodkan kenaikan antara 6.58 peratus hingga 71.43 peratus, timun (4.18 peratus-40 peratus), bendi (3.85 peratus-60 peratus) dan sawi 7.69 peratus hingga 50.25 peratus, sekilogram.

Katanya, berdasarkan pemantauan di 45 pasar awam, 13 pasar raya besar dan 18 pasar raya membabitkan 186 item, KPDN negeri turut mendapati 10 jenis barang mengalami penurunan harga dalam tempoh berkenaan, antaranya kubis bulat 10.02 peratus hingga 20.04 peratus, brokoli (7.69 peratus-23.08 peratus), kacang bunus (6.67 peratus-14.29 peratus) dan timun 9.09 peratus hingga 16.09 peratus bagi sekilogram.

Beliau berkata demikian ketika mengulas aduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang mendakwa harga sayuran meningkat sehingga 160 peratus sejak sebuahan lalu.

Jegan berkata, pihaknya kuaratir peningkatan kadar itu kurang tepat dan berkemungkinan terdapat kekeliruan dalam perbandingan harga membabitkan sayuran organik misalnya seperti lobak organik yang

mencecah RM24 dan tomato organik RM20 sekilogram.

Kelmarin, Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, dilaporkan berkata, pihaknya menerima aduan daripada peruncit yang mendakwa pengedar dan pemborong turut memberi amaran bahawa harga sayur dijangka meningkat beberapa minggu akan datang.

#### Faktor cuaca jadi punca

Di Kuala Terengganu, kebimbangan nelayan tempatan turun ke laut berikutan cuaca tidak menentu punca berlaku kenaikan harga ikan antara RM4 dan RM8 sekilogram.

Tinjauan di beberapa pasar awam di negeri ini mendapati ikan selayang dijual pada harga RM14 sekilogram, berbanding antara RM10 dan RM12 pertengahan bulan lalu.

Ikan kembung juga menunjukkan kenaikan dari RM20 kepada RM24 dan RM28 sekilogram.

Kenaikan harga hasil laut itu adalah ikan selar dijual pada harga RM24 sekilogram, ikan cencaru RM14, kerisi RM20, tenggiri RM40, sotong RM38, udang laut antara RM40 dan RM45 sekilogram.

Kenaikan harga hasil laut itu bukan sahaja berlaku di pasar awam, malah di pasar tani kendalian FAMA.

Di Kota Bharu, harga beberapa sayur-sayuran mengalami turun naik sejak lebih seminggu lalu, namun bekalanannya mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati, antara sayuran mengalami kenaikan ialah terung dijual dari RM7 kepada RM8 sekilogram; kacang panjang dari RM10 kepada RM11 sekilogram; tomat dari RM9 kepada RM10 sekilogram, manakala limau nipis dari RM7 kepada RM8 sekilogram.

Peniaga sayur-sayuran, Noriah Adam, 49, berkata meskipun harga sayuran mengalami turun naik, dia tidak berdepan masalah kekurangan bekalan kerana ia diantar seperti biasa pada setiap hari.

Tinjauan juga mendapati bekalan ikan mencukupi selain harganya juga menurun berbanding sebelum ini.



Tinjauan mendapati harga beberapa jenis sayur alami turun naik sejak lebih seminggu lalu di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Oleh Siti Aminah  
Mohd Yusof  
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 3/2/2023  
M/SURAT : 18

# Kenaikan sehingga 71.43%

*Harga membabitkan 10 jenis sayuran berdasarkan pemantauan pada 1 Februari*

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kosara Hidup (KPDN) Pulau Pinang memaklumkan pergerakan harga purata membabitkan 10 jenis sayuran di negeri ini merekodkan kenaikan serendah 3.85 peratus hingga 71.43 peratus berdasarkan pemantauan pada 1 Februari berbanding sebelumnya.

Pengaruhnya S Jegan berkata, daripada 41 jenis sayuran yang dipantau setiap hari itu, 10 daripadanya iaitu tomato me-

rekodkan kenaikan antara 6.58 peratus hingga 71.43 peratus, timun 4.18 peratus hingga 40 peratus, bendi 3.85 peratus hingga 60 peratus dan sawi 7.69 peratus hingga 50.25 peratus setiap kilogram (kg).

Katanya, berdasarkan pemantauan terhadap 45 pasar awam, 13 pasar raya besar dan 18 pasar raya membabitkan 186 barang, KPDN negeri turut mendapat terhadap 10 jenis barang mengalami penurunan harga dalam tempoh itu antaranya kubis bulat 10.02 peratus

hingga 20.04 peratus, brokoli 7.69 peratus hingga 23.08 peratus, kacang buncis 6.67 peratus hingga 14.29 peratus dan timun 9.09 peratus hingga 16.09 peratus bagi setiap kg.

"Kita memang turun padang setiap hari tidak kiru cuti umum atau Sabtu Ahad untuk mendapatkan maklumat harga yang dikemas kini dalam aplikasi Price Catcher untuk perbandingan harga terendah dan segala maklumat berkaitan.

"Jadi secara spesifik, pegawai kita menjalankan silasatan dan hasil pemantauan sehingga kini mendapat harga runcit bagi enam sayuran terpilih meliputi bendi ialah RM10 hingga RM15, buncis RM14 hingga RM18, kacang panjang RM10 hingga RM12 dan tomato RM11 hingga RM14 per kg," ka-

tanya dalam sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas aduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang mendakwa harga sayuran meningkat sehingga 160 peratus sejak sebulan lalu.

Jegan berkata, pihaknya turut khawatir peningkatan kadar yang dinyatakan itu kurang tepat dan berkelebihan terdapat kekeliruan dalam perbandingan harga membabitkan sa-

yuran organik misalnya seperti lobak organik yang mencecah RM24 dan tomato organik RM20 per kg.

"Jadi untuk segmen sayuran ini kita akui harga tinggi tetapi tanaman tempatan yang lain memang ada berlaku sedikit peningkatan akibat faktor cuaca tetapi peningkatan yang berlaku tidak ketara seperti didakwa sehingga mencapai 160 peratus.

"Berdasarkan tinjauan

yang dilakukan kita takut ada kekeliruan wujud yang mana harga tanaman organik diambil serta dibandingkan dengan tanaman tempatan dan jika itu berlaku sememangnya akan menunjukkan perbezaan besar," katanya.

Kelmarin, Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, dalam satu kenyataan media berkata pihaknya turut menerima aduan daripada pecundit yang mendakwa bahawa pengedar dan pemborong turut memberi amaran bahawa harga sayur dijangka akan meningkat beberapa minggu akan datang.



**“**  
**Kita dapatkan maklumat harga dikemas kini dalam aplikasi Price Catcher**  
**S Jegan**





JEGAN (kiri) bersama Ketua Pegawai Penguasa KPDN Pulau Pinang, A Mogan (kanan) memeriksa tepung gandum yang disita dalam pemeriksaan di sebuah kilang roti di Georgetown. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Oleh Siti Aminah  
Mohd Yusof  
am@hmetro.com.my

#### Bukit Mertajam

**P**engilang roti terkenal di negeri ini dikesan tidak mempunyai premis menyimpan tepung walaupun sudah beroperasi sejak 20 tahun lalu.

Dalam pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Pulau Pinang, pengarah syarikat berkenaan mengakui tidak dimaklumkan pemberong untuk mendapatkan sebarang permit menyimpan barang kawalan berjadual berkeraan.

Pengarah KPDN Pulau Pinang, S Jegan berkata, pihaknya merampas 2,205 kilogram tepung gandum daripada sebuah premis yang

#### 20 TAHUN BEROPERASI

# Tiada permit simpan tepung

menjadi antara pengilang roti popular di negeri ini atas kesalahan menyimpan barang kawalan itu tanpa permit.

Katanya, dalam pemeriksaan rawak jam 11 pagi itu pihaknya mendapati premis berkenaan tidak mempunyai permit menyimpan barang kawalan berjadual iaitu tepung gandum meskipun sudah beroperasi di Jalan Transfer sejak 20 tahun lalu.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemukan pelbagai jen-

ma tepung gandum yang kemandiannya disita dan dianggarkan bernilai RM6,400," katanya dalam sidang media di Kompleks Penyimpanan Ekshibit Pejabat KPDN Pulau Pinang di sini semalam.

Jegan berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba menyalahgunakan barang kawalan bersubsidi dan mengalu-alukan maklumat dan aduan daripada orang awam

berhubung perkara tersebut.

Katanya, kes itu disiasat dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang memperuntukkan penalti sehingga RM1 juta atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Manakala kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



---

---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**3 FEBRUARI 2023 (JUMAAT)**

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 FEBRUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Feb	Harga sebenar sepinggan nasi, ayam dan sayur ialah RM5.68	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/243322">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/243322</a>	SH
3-Feb	Menu Rahmah dapat sambutan, namun rakyat tetap harap harga barang turun	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/653641">https://m.malaysiakini.com/news/653641</a>	MALAYSIAKINI
3-Feb	AKHIRNYA RAKYAT DAPAT NIKMATI MENU RAHMAH	<a href="https://youtu.be/S3fjXIL-3Zs">https://youtu.be/S3fjXIL-3Zs</a>	JOM CHANNEL
3-Feb	KPDN P. Pinang tak nafi harga sayur naik, tapi bukan ketara	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/02/kpdn-p-pinang-tak-nafi-harga-sayur-naik-tapi-bukan-ketara/">https://malaysiagazette.com/2023/02/02/kpdn-p-pinang-tak-nafi-harga-sayur-naik-tapi-bukan-ketara/</a>	MALAYSIAGAZETTE
3-Feb	KPDN akui harga sayur naik tapi masih stabil	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/243359/berita/nasional/kpdn-akui-harga-sayur-naik-tapi-masih-stabil">https://www.sinarharian.com.my/article/243359/berita/nasional/kpdn-akui-harga-sayur-naik-tapi-masih-stabil</a>	SH
3-Feb	'Mana ada sampai 160 peratus...'	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931824/man-a...">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931824/man-a...</a>	HM
3-Feb	'Mana ada sampai 160 peratus...'	<a href="https://youtu.be/MTWJziStd_Q">https://youtu.be/MTWJziStd_Q</a>	HM
3-Feb	KPDN Sabah catat kompaun RM20,700 sepanjang Januari	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sabah-catat-kompaun-rm20-700-sepanjang-januari-404688%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sabah-catat-kompaun-rm20-700-sepanjang-januari-404688%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Feb	Barang Kawalan: 139 kes di Sabah, nilai kompaun RM20,700 sepanjang Jan 2023	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/barang-kawalan-139-kes-di-sabah-nilai-kompaun-rm20700-sepanjang-jan-2023/">https://www.buletintv3.my/nasional/barang-kawalan-139-kes-di-sabah-nilai-kompaun-rm20700-sepanjang-jan-2023/</a>	BULETINTV3
3-Feb	KPDN Sabah komited kawal bekalan dan harga barang kawalan	<a href="https://sabahmedia.com/2023/02/02/kpdn-sabah-komited-kawal-bekalan-dan-harga-barang-kawalan/">https://sabahmedia.com/2023/02/02/kpdn-sabah-komited-kawal-bekalan-dan-harga-barang-kawalan/</a>	SABAHMEDIA

3-Feb	Pengilang roti popular tiada permit simpan tepung sejak 20 tahun lalu	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931814/pengilang-roti-popular-tiada-permit-simpan-tepung-sejak-20-tahun-lalu">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931814/pengilang-roti-popular-tiada-permit-simpan-tepung-sejak-20-tahun-lalu</a>	HM
3-Feb	2 tan tepung gandum tanpa permit disita	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931814/pengilang-roti-popular-tiada-permit-simpan-tepung-sejak-20-tahun-lalu">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931814/pengilang-roti-popular-tiada-permit-simpan-tepung-sejak-20-tahun-lalu</a>	HM
3-Feb	2 tan tepung gandum disimpan tanpa permit disita	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/2-tan-tepung-gandum-tanpa-permit-disita/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/2-tan-tepung-gandum-tanpa-permit-disita/</a>	UM
3-Feb	2 tan tepung gandum disimpan tanpa permit disita	<a href="https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/02/02/2-tan-tepung-gandum-disimpan-tanpa-permit-disita/">https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/02/02/2-tan-tepung-gandum-disimpan-tanpa-permit-disita/</a>	WARTARAKYAT
3-Feb	Kilang roti beroperasi 20 tahun tiada permit simpan gandum	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kilang-roti-beroperasi-20-tahun-tiada-permit-simpan-gandum-404699%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kilang-roti-beroperasi-20-tahun-tiada-permit-simpan-gandum-404699%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Feb	18 premis makan diarah tutup	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931717/18-premis-makan-diarah-tutup">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931717/18-premis-makan-diarah-tutup</a>	HM
3-Feb	Seleweng diesel guna lori tangki minyak sawit	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/02/seleweng-diesel-guna-lori-tangki-minyak-sawit/">https://malaysiagazette.com/2023/02/02/seleweng-diesel-guna-lori-tangki-minyak-sawit/</a>	MALAYSIAGAZETTE
3-Feb	Harga minyak masak botol kekal bagi 8 Februari – 7 Mac ini	<a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-8-februari-7-mac-ini/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-8-februari-7-mac-ini/</a>	UM

3-Feb	Harga minyak masak botol kekal bagi 8 Februari hingga 7 Mac	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/02/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-8-februari-hingga-7-mac/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/02/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-8-februari-hingga-7-mac/</a>	KOSMO
3-Feb	Harga minyak masak botol kekal	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/02/harga-minyak-masak-botol-kekal-2/">https://malaysiagazette.com/2023/02/02/harga-minyak-masak-botol-kekal-2/</a>	MALAYSIAGAZETTE
3-Feb	Harga runcit minyak masak sawit tulen kemasan botol kekal	<a href="https://selangorkini.my/2023/02/harga-runcit-minyak-masak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal/">https://selangorkini.my/2023/02/harga-runcit-minyak-masak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal/</a>	SELANGORKINI
3-Feb	Harga minyak masak botol kekal bagi 8 Februari – 7 Mac ini	<a href="https://wartaoriental.com/2023/02/03/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-8-februari-7-mac-ini/">https://wartaoriental.com/2023/02/03/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-8-februari-7-mac-ini/</a>	WARTAORIENTAL
3-Feb	Harga minyak masak botol kekal bagi 8 Februari hingga 7 Mac	<a href="https://luminews.my/news/1085230">https://luminews.my/news/1085230</a>	LUMINEWS
3-Feb	Harga runcit minyak sawit tulen kemasan botol kekal – KPDN	<a href="https://mediavariasi.com/2023/02/harga-runcit-minyak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal-kpdn/">https://mediavariasi.com/2023/02/harga-runcit-minyak-sawit-tulen-kemasan-botol-kekal-kpdn/</a>	MEDIAVARIASI
3-Feb	Bottled cooking oil ceiling prices unchanged for Feb 8-March 7 period	<a href="https://www.theedgemarkets.com/node/653891">https://www.theedgemarkets.com/node/653891</a>	THEEDGE MARKETS
3-Feb	Tiada Perubahan Harga Runcit Minyak Masak Tulen Kemasan Botol	<a href="https://siakapkeli.my/2023/02/02/tiada-perubahan-harga-runcit-minyak-masak-tulen-kemasan-botol/">https://siakapkeli.my/2023/02/02/tiada-perubahan-harga-runcit-minyak-masak-tulen-kemasan-botol/</a>	SIAKAPKELI
3-Feb	Bottled cooking oil ceiling prices unchanged for Feb 8-March 7 period	<a href="https://www.thesundaily.my/local/bottled-cooking-oil-ceiling-prices-unchanged-for-feb-8-march-7-period-CM10587151">https://www.thesundaily.my/local/bottled-cooking-oil-ceiling-prices-unchanged-for-feb-8-march-7-period-CM10587151</a>	THESUNDAILY
3-Feb	Harga runcit minyak sawit tulen kemasan botol kekal – KPDN	<a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2161346">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2161346</a>	BERNAMA
3-Feb	Bottled cooking oil ceiling prices unchanged for Feb 8-March 7 period	<a href="https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2161354">https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2161354</a>	BERNAMA
3-Feb	Harga runcit minyak masak botol kekal - KPDN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-runcit-minyak-masak-botol-kekalk-pdnn-404729%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-runcit-minyak-masak-botol-kekalk-pdnn-404729%3famp=1</a>	ASTROAWANI

3-Feb	Pemain industri makanan perlu kerjasama jayakan pelaksanaan Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-industri-makanan-perlu-kerjasama-jayakan-pelaksanaan-menu-rahmah-404755%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-industri-makanan-perlu-kerjasama-jayakan-pelaksanaan-menu-rahmah-404755%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Feb	Pemain industri makanan perlu kerjasama jayakan pelaksanaan Menu Rahmah	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2161410">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2161410</a>	BERNAMA
3-Feb	KPDN Melaka galakkan premis makanan serta inisiatif Menu Rahmah	<a href="https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-galakkan-premis-makanan-serta-inisiatif-menu-rahmah/">https://www.melakahariini.my/kpdn-melaka-galakkan-premis-makanan-serta-inisiatif-menu-rahmah/</a>	MELAKAHARIINI
3-Feb	Expand Menu Rahmah initiative to Sabah, says Warisan	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/02/expand-menu-rahmah-initiative-to-sabah-says-warisan">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/02/expand-menu-rahmah-initiative-to-sabah-says-warisan</a>	THESTAR
3-Feb	Menu Rahmah dapat sambutan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931906/menu-rahmah-dapat-sambutan">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/02/931906/menu-rahmah-dapat-sambutan</a>	HM
3-Feb	Menu Rahmah teruskan MR1M, bukan idea baharu	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/02/menu-rahmah-teruskan-mr1m-bukan-idea-baharu/">https://www.edisi9.com.my/2023/02/menu-rahmah-teruskan-mr1m-bukan-idea-baharu/</a>	EDISI9
3-Feb	Expand 'Menu Rahmah' initiative to Sabah - Warisan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189559">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/189559</a>	SINARDAILY
3-Feb	Timely introduction of Menu Rahmah initiative	<a href="https://www.thesundaily.my/local/timely-introduction-of-menu-rahmah-initiative-CM10587489">https://www.thesundaily.my/local/timely-introduction-of-menu-rahmah-initiative-CM10587489</a>	THESUNDAILY
3-Feb	Pemain industri makanan perlu kerjasama jayakan pelaksanaan Menu Rahmah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-industri-makanan-perlu-kerjasama-jayakan-pelaksanaan-menu-rahmah-404755%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/pemain-industri-makanan-perlu-kerjasama-jayakan-pelaksanaan-menu-rahmah-404755%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Feb	Golongan pendapatan sederhana 'serbu' hidangan Menu Rahmah RMS	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/02/golongan-pendapatan-sederhana-serbu-hidangan-menu-rahmah-rms/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/02/golongan-pendapatan-sederhana-serbu-hidangan-menu-rahmah-rms/</a>	FMT
3-Feb	Menu Rahmah initiatives should be expanded to Sabah	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/875872/menu-rahmah-initiatives-should-be-expanded-sabah">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/02/875872/menu-rahmah-initiatives-should-be-expanded-sabah</a>	NST

3-Feb	KPDN sita beg, dompet tiruan bernilai lebih RM250,000	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/02/kpdn-sita-beg-dompet-tiruan-bernilai-lebih-rm250000/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/02/kpdn-sita-beg-dompet-tiruan-bernilai-lebih-rm250000/</a>	KOSMO
3-Feb	KPDN sita 11,000 liter minyak diesel bersubsidi di Teluk Intan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/02/kpdn-sita-11000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-di-teluk-intan/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/02/kpdn-sita-11000-liter-minyak-diesel-bersubsidi-di-teluk-intan/</a>	KOSMO
3-Feb	KPDN sita 11,000 liter diesel bersubsidi, 2 lori di Teluk Intan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sita-11-000-liter-diesel-bersubsidi-2-lori-di-teluk-intan-404750%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-sita-11-000-liter-diesel-bersubsidi-2-lori-di-teluk-intan-404750%3famp=1</a>	ASTROAWANI
3-Feb	Perak KPDN nabs man, seizes 11,000 litres of subsidised diesel	<a href="https://selangorjournal.my/2023/02/perak-kpdn-nabs-man-seizes-11000-litres-of-subsidised-diesel/">https://selangorjournal.my/2023/02/perak-kpdn-nabs-man-seizes-11000-litres-of-subsidised-diesel/</a>	SELANGORJOURNAL
3-Feb	Perak KPDN nabs man, seizes 11,000 litres of subsidised diesel	<a href="https://www.thesundaily.my/home/perak-kpdn-nabs-man-seizes-11000-litres-of-subsidised-diesel-JM10588098">https://www.thesundaily.my/home/perak-kpdn-nabs-man-seizes-11000-litres-of-subsidised-diesel-JM10588098</a>	THESUNDAILY
3-Feb	Taktik seleweng minyak diesel guna lori tangki minyak kelapa sawit ditumpaskan	<a href="https://tvstv.my/2023/02/03/taktik-seleweng-minyak-diesel-guna-lori-tangki-minyak-kelapa-sawit-ditumpaskan/">https://tvstv.my/2023/02/03/taktik-seleweng-minyak-diesel-guna-lori-tangki-minyak-kelapa-sawit-ditumpaskan/</a>	TVSTV
3-Feb	Serbuan dua premis barang tiruan, 11,381 unit barang disita - KPDN	<a href="https://youtu.be/Xxv3LzqprZ0">https://youtu.be/Xxv3LzqprZ0</a>	HM
3-Feb	Serbuan dua premis barang tiruan, 11,381 unit barang disita - KPDN	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/56468-serbuan-dua-premis-barangan-tiruan-11-381-unit-barangan-disita-kpdn">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/56468-serbuan-dua-premis-barangan-tiruan-11-381-unit-barangan-disita-kpdn</a>	BERITARTM
3-Feb	KPDN Sabah Catat Kompaun RM20,700 Sepanjang Januari	<a href="https://www.sabahgazette.com/kpdn-sabah-catat-kompaun-rm20700-sepanjang-januari/">https://www.sabahgazette.com/kpdn-sabah-catat-kompaun-rm20700-sepanjang-januari/</a>	SABAHGAZETTE